



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI**  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (49)  
Tarikh : 19 Oktober 2022

**Semua Ibu Bapa / Penjaga**

SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA HARI DEEPAVALI TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa cuti umum bagi sambutan Hari Deepavali tahun 2022 ialah pada 24 Oktober 2022 (Isnin). Manakala tambahan cuti perayaan yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah pada 25 Oktober 2022 dan 26 Oktober 2022.

3. Sehubungan dengan itu, sempena sambutan Hari Deepavali semua murid dan guru akan bercuti selama tiga (3) hari iaitu pada 24, 25 dan 26 Oktober 2022. Sekolah akan dibuka semula pada 27 Oktober 2022 (Khamis).

4. Pihak sekolah mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua warga SETIARA yang menyambutnya. Pihak sekolah berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing semasa cuti serta memastikan mereka sentiasa mengulang kaji pelajaran.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)**

Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

